



Pasukan Jabatan Bendahari, FKEE dan FKM juara Kejohanan Bola Tampar Tertutup UMP

oleh: ISKANDAR SALEHUDDIN

Pasukan lelaki Jabatan Bendahari dan pasukan wanita gabungan dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) dan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) menjuarai Kejohanan Bola Tampar Tertutup UMP Piala Bendahari Kali Ke-7 anjuran Jabatan Bendahari pada 4 April 2012 yang lalu.

Kejohanan menampilkan 27 pasukan yang terdiri daripada 19 pasukan lelaki dan lapan pasukan wanita berlangsung selama tiga minggu di Kompleks Sukan UMP Gambang.

Pengerusi kejohanan, Sulaiman Baniyamin berkata, penganjuran kejohanan ini bertujuan merapatkan silaturahim antara staf dari pelbagai jabatan dan fakulti.

Selain itu, kejohanan ini berjaya mencungkil bakat-bakat baharu dalam permainan bola tampar untuk diketengahkan bagi mewakili kejohanan sukan staf antara universiti.

"Kejohanan berakhir dengan perlawanan persahabatan yang diadakan melibatkan pasukan pengurusan tertinggi universiti bertemu pasukan melibatkan dekan dan pengarah dengan keputusan menyebelahi pasukan pengurusan dengan mata 35 - 25," katanya.

Hadir menyertai perlawanan ini ialah Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Engr. Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus, Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yusserie Zainuddin, Penolong Naib Canselor (Pentadbiran UMP Pekan), Profesor Dr. Haji Zahari Taha, Pendaftar, Tuan Haji Mustafa Ibrahim, Bendahari, Zainudin Othman Ketua Pustakawan, Tuan Haji Ruslan Che Pee dan Pengarah Kerja, Tuan Haji Rosdi Mohamed.

Sementara itu, naib johan bagi kategori pasukan lelaki dimenangi Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) dan Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP) di tempat ketiga.

Bagi kategori pasukan wanita, pasukan kombinasi Jabatan Pembangunan & Pengurusan Harta (JPPH), Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) serta Jabatan Pendaftar dinobatkan Naib Johan. Manakala tempat ketiga dimenangi FSKKP. Majlis turut menyaksikan penyampaian cenderahati kepada pemenang disempurnakan oleh Tuan Haji Mustafa Ibrahim.

